

Headline	Siasatan peringkat akhir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	9
ArticleSize	215 cm ²	Journalist	Amir Abd Hamid
PR Value	RM 25,409		



Siasatan peringkat akhir

■ ST senarai kesalahan ketidakpatuhan TNB sedia kemudahan kepada pengguna

Amir Abd Hamid

amir_hamid@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Tenaga (ST) masih di peringkat akhir siasatan menyenaraikan kesalahan syarikat pembekal tenaga elektrik utama negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Siasatan itu berkaitan kesalahan dan ketidakpatuhan menyediakan perkhidmatan utiliti kepada pengguna.

Pengerusi ST Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan berkata,

jumlah penalti berkaitan perkara itu diikemas kini.

"Masih dalam proses (siasatan kesalahan dan penalti terhadap TNB). Saya tak mahu komen banyak, keterangannya saya adalah sama seperti sebelum ini," katanya.

Beliau enggan mengulas lanjut ketika ditanya antara kesalahan dilakukan syarikat utiliti berkenaan.

Minggu lalu Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin dilaporkan berkata, TNB melakukan kesalahan dan kenaikan bil sebelum ini disebabkan ma-

salah teknikal syarikat itu.

"Mereka selesaikan 50 peratus aduan sebelum hari raya namun saya masih menunggu kemas kini keseluruhan aduan yang selesai.

"Memang mereka (TNB) ada lakukan kesalahan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan akan dikenakan penalti oleh Suruhanjaya Tenaga.

"Sekarang ST masih mengumpul jumlah kesalahan yang dilakukan TNB dan jumlah kesalahan dan penalti akan diumumkan tidak lama lagi," kata Yeo dalam laporan itu.

TNB bakal kena penalti

■ Syarikat pembekal tenaga elektrik ikut tidak upati perintah penyelatan perkhidmatan

LAPORAN Harian Metro, 12 Jun lalu.